

LAPORAN AUDIT DALAMAN 5S BIL. 2/2019 PUSAT PENGAJIAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERBANKAN

1.0 PENGENALAN

Audit dalaman 5S dilaksanakan sebagai satu langkah untuk membudayakan amalan 5S di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB). Sebagai kaku ukur dan pengiktirafan kepada amalan 5S tersebut, SEFB sentiasa akur kepada Audit 5S/QE UUM yang diadakan setiap tahun. Audit 5s/QE UUM ini sangat membantu SEFB untuk terus mantap serta penambahbaik amalan 5S yang dilaksanakan di SEFB.

2.0 OBJEKTIF

Objektif pengauditan adalah untuk menyemak dan mengenalpasti sebarang ketidakpatuhan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan memberi cadangan penambahbaikan yang sesuai. Di samping itu, Jawatankuasa Audit juga membuat semakan kembali pemerhatian (penemuan audit) dan juga penambahbaikan daripada sesi audit yang dijalankan sebelum ini.

3.0 PEMBAHAGIAN JURUAUDIT

Ahli Jawatankuasa telah menjalankan aktiviti audit dalaman 5S SEFB Bil. 2/2019 seperti maklumat dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pembahagian Kriteria Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S UUM

PENILAIAN	TARIKH	PIC
Keperluan Utama Perlaksanaan	20 Jun 2019	Wan Yusnita Megat Saad Norfa'iza Ismail
Ruang Pejabat	20 Jun 2019	Mohd Afnan Abdul Khoni Sobehah Din
Perkhidmatan Kaunter	20 Jun 2019	Nur Faizah Azali
Tempat Simpanan	20 Jun 2019	Asrul Nizar Zakaria Nor Hazwani Azizon
Tempat Umum	20 Jun 2019	Bashirah Hussain Ahmad Shukri Harun
Kawasan Persekitaran	20 Jun 2019	Ku Sarudin Ku Ismail Muhammad Aliff Bin Rosli

4.0 LAPORAN AUDIT

Butiran lengkap pemerhatian beserta gambar penemuan audit dan cadangan penambbaikan adalah seperti di dokumen laporan audit tersebut. Sila rujuk: Laporan Audit SEFB Bil. 2/2019.


5.0 KEPUTUSAN

Pusat Pengajian dengan drastiknya berjaya mendapat 90.91% pada audit dalaman yang kedua. Ini melayakkan SEFB untuk mendapat penarafan **LIMA** (5) bintang pada audit kali ini. Namun, proses penambahbaikan perlu sentiasa diamalkan oleh setiap

staf di SEFB berdasarkan kepada penemuan audit. Keputusan ini akan dijadikan sebagai penanda aras untuk penilaian audit 5S SEFB Bil. 3/2019 nanti. Ringkasan keputusan audit dalaman 5S untuk setiap kriteria penilaian amalan persekitaran berkualiti 5S UUM seperti di Jadual 2 dan Gambarajah 1 di bawah:

Jadual 2: Keputusan audit dalaman 5S SEFB Bil. 2/2019

Bil.	Aspek	Markah	
		Penuh	Diperolehi
1.	Keperluan Utama Perlaksanaan	52	46
2.	Ruang Pejabat	36	31
3.	Perkhidmatan Kaunter	22	22
4.	Tempat Simpanan	30 (utk SEFB adalah 16)	14
5.	Tempat Umum	40 (utk SEFB adalah 30)	26
6.	Kawasan Persekitaran	42	41
Jumlah Markah		222* (utk SEFB 198)	180
Peratusan		100	90.91%

PUSAT PENGAJIAN	MARKAH (%)	KEDUDUKAN	PENARAFAN BINTANG
SEFB	90.91	-	

*Petunjuk: 5 Bintang (85% ke atas), 4 Bintang (75% - 84.99%), 3 Bintang (60% - 74.99%)
2 Bintang (50% - 59.99%), 1 Bintang (49.995 ke bawah)*

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kesungguhan dan komitmen pengurusan dan warga kerja di SEFB dalam menjayakan aktiviti amalan 5S ini amat membanggakan. Walau bagaimanapun, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan dan tindakan perlu diambil berdasarkan kepada laporan audit yang telah disediakan. Semoga warga SEFB akan meningkatkan prestasi ini bagi menjayakan Audit 5S/QE UUM yang akan dinilai pada tahun ini.

**DISEDIAKAN OLEH : JAWATANKUASA AUDIT 5S
PUSAT PENGAJIAN EKONOMI, KEWANGAN DAN PERBANKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TARIKH : 28 JUN 2019